

## **PENDEKATAN DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU DI MALAYSIA: SATU SOROTAN**

**Siti Nor Haliza Abd Zamani**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil, Selangor

**Nurul Asmida Saad**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil, Selangor

**Norakmal Abdul Hamid**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil, Selangor

**Khairah Ismail**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil, Selangor

*Corresponding Author's Email: norhaliza6768@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 18 June 2021*

*Accepted : 13 August 2021*

*Published : 10 September 2021*

### **ABSTRAK**

Dakwah kepada saudara baru merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim sama ada secara perseorangan ataupun secara organisasi. Namun, tanggungjawab ini perlu dilaksanakan dengan pendekatan dakwah yang bersesuaian dan relevan agar mesej dakwah Islamiah diterima dan diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Kegagalan dalam menentukan pendekatan dakwah yang sesuai kepada saudara baru merupakan antara faktor kurangnya minat dan komited mereka terhadap ajaran Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan pelaksanaan pendekatan dakwah kepada saudara baru di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Data diperolehi dari buku, artikel jurnal, artikel prosiding dan tesis dengan menganalisisnya secara deskriptif. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada pendakwah dalam menentukan dan mengaplikasikan pendekatan dakwah yang sesuai kepada saudara baru di Malaysia.

**Kata kunci:** Muallaf, Pendakwah, Metodologi Dakwah, Manhaj Dakwah, Medium Dakwah

## ***THE DAKWAH APPROACH TO NEW BROTHERS IN MALAYSIA: A HIGHLIGHT***

### **ABSTRACT**

*Da'wah to new converts is an obligation that must be performed by every Muslim either individually or organizationally. However, this responsibility needs to be implemented with an appropriate and relevant da'wah approach so that the message of Islamic da'wah is accepted and applied in their lives. The failure to determine the appropriate da'wah approach to new converts is one of the factors in their lack of interest and commitment to the teachings of Islam. Therefore, this study aims to identify and discuss the implementation of the dakwah approach to new converts in Malaysia. This study is qualitative in nature using document analysis method. Data were obtained from books, journal articles, proceedings articles and theses by analyzing them descriptively. The results of this study can provide guidance to preachers in determining and applying the appropriate dakwah approach to new converts in Malaysia.*

**Keywords:** *Muallaf, Scholar. Da'wah Methodology, Manhaj Da'wah, Medium Da'wah*

### **PENDAHULUAN**

Peningkatan jumlah bilangan saudara baru di Malaysia menunjukkan bahawa gerakan dakwah Islamiah yang dilaksanakan oleh pendakwah telah berjaya membuka mata masyarakat khususnya mereka yang bukan beragama Islam untuk mengenali, memahami seterusnya menerima agama Islam dalam kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, setelah memeluk agama Islam, saudara baru berdepan dengan pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan dengan agama yang baru dianuti. Di antara cabaran yang dihadapi oleh saudara baru adalah dari segi kewangan, masalah kekeluargaan, persepsi masyarakat, penyesuaian diri dengan syariat agama yang baru, hilang keyakinan diri dan rasa terasing (Kamarulzaman kawi & Nur Athiroh, 2020). Selain itu, kajian mendapati bahawa ketidakselarasan pengurusan dakwah oleh organisasi dakwah yang terlibat juga menjadi antara faktor yang menyebabkan kesukaran saudara baru dalam mempertahankan pegangan mereka terhadap agama Islam (Syarul Azman et al., 2017). Kegagalan dalam menguruskan masalah-masalah ini menjadi antara faktor saudara baru kembali kepada ajaran asal mereka (murtad) (Suariza et al., 2018).

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini berlaku, organisasi Islam yang terlibat dalam dakwah saudara baru samada kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu berterusan dalam melaksanakan dakwah dan mengaplikasikan pendekatan yang sesuai agar golongan saudara baru ini mendapat bimbingan dan panduan dalam menjalani kehidupan mereka sebagai muslim sejati .

## SAUDARA BARU

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, saudara baru merujuk kepada panggilan yang digunakan kepada orang yang baru memeluk agama Islam. Di Malaysia, penggunaan istilah mualaf sering digunakan oleh masyarakat Melayu merujuk kepada mereka yang baru memeluk agama Islam khususnya dari bangsa Cina, India, Orang asli dan lain-lain (Amran Kasimin, 1985). Manakala di bahagian Asia Tenggara penggunaan istilah Saudara Baru dan Saudara Kita sering digunakan berbanding istilah mualaf (Abdullah,1973; Kamarulzaman kawi & Nur Athiroh, 2020).

Menurut Anuar Puteh,(2005) dalam Zulkifpi Ghani et al., (2017) saudara baru merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Perkataan mualaf ada termaktub dalam al Quran di dalam surah at-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

Dalam surah at-Taubah ayat ke 60 ini, mualaf atau saudara baru merupakan golongan yang termasuk dalam lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat. Pemberian zakat kepada saudara baru merupakan satu kemestian kerana mereka melaluinya, saudara baru dapat menempuh cabaran hidup dan tetap keyakinan terhadap agama yang baru dianuti. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1998) dalam Noraini Mohamad, Mariam Abd Majid (2018) menafsirkan kalimah (والمؤلفة قلوبهم) yang bermaksud golongan yang telah memeluk agama Islam tetapi masih longgar keyakinan terhadap Islam dan mereka perlu dibimbing dan dibantu agar dapat menjinakan hati mereka supaya menerima dan mengamalkan Islam sepenuhnya.

Berdasarkan definisi yang diberikan dapat disimpulkan bahawa saudara baru adalah golongan yang dilembutkan hatinya menerima ajaran Islam dan mereka berhak mendapatkan bimbingan, panduan dan dorongan yang berterusan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim. Penerimaan saudara baru terhadap agama Islam memberi kesan positif kepada syiar agama Islam khususnya di Malaysia dan secara tidak langsung dapat mengubah pandangan negatif oleh masyarakat bukan Islam terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam yang sebenar.

## METODOLOGI DAKWAH

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh para ulama dalam menerangkan maksud dakwah samada dari sudut etimologi dan terminalogi. Dakwah dari sudut etimologi antaranya membawa maksud ajakan, panggilan, seruan, propaganda, suka kepada Allah, memohon pertolongan, seruan kebenaran, memohon untuk memperoleh rezeki, ajakan kepada semua manusia untuk mengamalkan suatu perkara, semua permintaan (talab), atau panggilan (nida'), dimana ajakan itu boleh jadi menuju ke jalan yang benar atau jalan yang sesat (Syahbudin Gade et.al, 2013). Dari sudut terminalogi, Ibnu Taimiyyah dalam Syaikh Akram Kassab (2010) mendefinisikan dakwah sebagai ajakan untuk beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dengan mempercayai apa yang disampaikan dan mentaati apa yang diperintahkan. Menurut Ali Hasjmy (1994) dalam Ab Aziz Mohd Zain et. Al (2006) dakwah adalah satu kurikulum dan penerangan yang lengkap, juga suatu ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, mahupun tingkah laku yang dilakukan secara sedar dan terencana dalam usaha untuk mempengaruhi orang lain.

Secara umumnya dapat disimpulkan, dakwah merupakan satu usaha mendorong manusia untuk mentaati segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang dimurkai Allah SWT. Justeru dalam usaha melaksanakan dakwah, pendakwah perlu membuat perancangan yang teliti dan bersistematik serta mengaplikasikan metodologi dakwah yang sesuai, agar mesej dakwah diterima oleh sasaran dakwah yang terdiri dari pelbagai latarbelakang. Kegagalan dalam mengaplikasikan metodologi dakwah yang bersesuaian menjadi antara faktor kurangnya kefahaman dan penghayatan agama dikalangan mad'u (sasaran dakwah) khususnya saudara baru.

Metodologi merupakan istilah yang berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu "method" yang bermaksud sistem, aturan atau kaedah. Dalam bahasa Arab, terdapat istilah yang hampir sama pengertiannya dengan metode iaitu *uslub*, *manhaj* dan *wasilah*. Menurut M.Syafaat Habib (1982) dalam Syabuddin Gade (2017) metode bermakna suatu cara yang boleh ditempuh atau cara yang ditentukan dengan jelas untuk mencapai dan menyelesaikan suatu tujuan, rencana sistem, tafafikir manusia. Berdasarkan definisi ini, maka dapat disimpulkan bahawa metodologi dakwah bermakna cara penyampaian mesej dakwah atau cara yang paling sesuai dan relevan dalam penyampaian dakwah Islamiah kepada sasaran dakwah. Metodologi sangat besar peranannya dalam dakwah kerana ia menentukan keberkesanan sesuatu dakwah yang diusahakan (Ab Aziz Mohd Zain, 2001). Secara asasnya, metodologi dakwah bersandarkan kepada surah al-Nahlu ayat 125 yang bermaksud:

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”*

Berdasarkan ayat di atas, jelas menerangkan bahawa terdapat tiga kaedah yang perlu diaplikasikan oleh pendakwah dalam menyeru, mengajak dan menyampaikan dakwah Islamiah kepada manusia iaitu secara hikmah, nasihat yang baik dan berbahas dengan cara yang baik. . Ketiga-tiga cara ini merupakan asas utama kepada metodologi dakwah. Menurut Zulkiple Abd Ghani (2010), ketiga-tiga konsep ini akan tetap dan relevan sebagai kerangka teori dalam metodologi dakwah. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa dalam melaksanakan dakwah Islamiah kepada saudara baru, pendakwah perlu menentukan pendekatan dakwah yang sesuai dan relevan kepada sasaran dakwah dengan menerapkan konsep (*al-Hikmah*), (*al-Mau'izah al- Hasanah*) dan (*al-Mujaadalah al Husna*).

## **PENDEKATAN DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU**

Terdapat pelbagai pendekatan dakwah yang digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan agama Islam kepada saudara baru. Pemilihan pendekatan dakwah yang sesuai mampu menarik hati saudara baru untuk lebih mendalami dan menghayati agama Islam yang dianutinya. Antara pendekatan dakwah kepada saudara baru di Malaysia dapat dilihat seperti berikut;

### **1. Dakwah Secara Lisan**

Dakwah secara lisan merupakan satu seruan, panggilan atau ajakan kepada sasaran dakwah dengan menggunakan perkataan atau ucapan pendakwah. Dakwah secara lisan merupakan antara pendekatan terawal yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan ajaran Islam. Di dalam al-Quran terdapat lebih 300 lafaz *Qul* yang bermaksud “katakanlah” yang menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW menggunakan lisannya dalam melaksanakan dakwah Islamiyah (Rofik Hidayat, 2019). Menerusi sirah baginda SAW, jelas menunjukkan bahawa pendekatan lisan yang digunakan oleh baginda berjaya melembutkan dan menjinakan hati masyarakat untuk menerima ajaran Islam.

Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, pendekatan dakwah secara lisan lebih dipraktikkan oleh pendakwah. Proses interaksi secara lisan antara pendakwah dengan saudara baru lazimnya berlaku ketika sesi kelas pengajian agama, kaunseling, forum, seminar, bengkel, ziarah, program khidmat sosial dan sebagainya. Penggunaan bahasa lisan yang baik, sopan, jelas, teratur dan mudah difahami menjadi antara faktor yang menyumbang kepada kefahaman dan penerimaan mesej Islam oleh saudara baru ( Nur Damia Husna & Zulkefli Aini, 2017). Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda saudara baru seperti Mandarin, Tamil dan lain-lain menyumbang kepada proses penyampaian mesej Islam yang lebih efektif (Wan Zuhairah & Nur Athiroh, 2018). Menurut Aemy Elyani et al.( 2020), antara organisasi dakwah yang mempraktikkan penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dakwah mereka adalah Pembentukan Asosiasi Muslim Cina Malaysia (MACMA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM),

Hidayah Centre (HC) dan Multiracial Reverted Muslim (MRM). Manakala, kajian oleh Razaleigh Muhamat@Kawangit& Salawati Saringat (2014) mendapati bahasa Tamil juga turut dijadikan bahasa komunikasi dalam aktiviti dakwah yang dijalankan oleh beberapa badan dakwah seperti Islamic Outreach ABIM (IOI), Masjid India, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Persekutuan Indo-Muslim Malaysia (PERMIM).

## **2. Dakwah Melalui Tulisan**

Pendekatan dakwah menerusi tulisan merujuk kepada usaha menyampaikan mesej ajaran Islam menerusi penulisan. Dakwah melalui penulisan merupakan antara pendekatan dakwah yang digunakan oleh baginda Rasulullah SAW dalam menyebarkan ajaran Islam khususnya kepada raja-raja dan para pembesar seperti perutusan surat kepada pemerintah kerajaan Rom dan Parsi (Agusti, 2019)

Pendekatan dakwah melalui tulisan juga telah diaplikasikan oleh ulama terdahulu dimana pelbagai ilmu mereka telah dirakamkan dalam bentuk penulisan kitab-kitab yang menjadi rujukan pendakwah pada hari ini. Walaupun pendekatan dakwah melalui penulisan dilihat agak konvensional, akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa medium penulisan ini mampu memberi kefahaman, mampu mempengaruhi emosi dan menggerakkan tindakan pembaca khususnya dikalangan saudara baru.

Menerusi penulisan dakwah, saudara baru dapat memahami ilmu asas Islam seperti akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Ilmu-ilmu Islam disampaikan dalam bentuk penulisan dan diterbitkan dalam bentuk bercetak seperti majalah, akhbar, makalah, risalah dan buku-buku agama serta pamflet bagi memudahkan mereka memahami ajaran Islam. Kebanyakan penerbitan ini diedarkan secara percuma kepada saudara baru (Syahrul Faizaz et.al, 2018). Selain itu, penghasilan bahan-bahan penulisan yang dihasilkan di dalam bahasa ibunda saudara baru seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris dan lain, dapat mempertingkatkan lagi kefahaman mereka terhadap agama Islam (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Selaras dengan kemajuan teknologi, penulisan dakwah bukan hanya terbatas kepada penulisan di atas kertas, tetapi telah dikembangkan kepada penghasilan buku-buku Islam secara elektronik (Ebook). Untuk memastikan saudara baru tidak tercicir dalam mendapatkan bahan bacaan berkenaan agama Islam, terdapat beberapa organisasi dakwah telah mengambil inisiatif dengan menerbitkan bahan bacaan berbentuk pdf antaranya adalah majalah, buku-buku fardhu ain, pamflet dan sebagainya dan dapat dimuat turun secara percuma oleh saudara baru.

## **3. Dakwah Melalui Kelas Bimbingan Agama Dan Kaunseling.**

Pendekatan dakwah secara bimbingan kepada saudara baru lebih berfokus kepada bimbingan dalam memperkukuhkan keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama Islam. Antara bentuk bimbingan kepada saudara baru adalah dengan menyediakan kelas bimbingan agama. Penganjuran kelas bimbingan agama kepada saudara baru oleh organisasi dakwah samada dari agensi kerajaan

mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merupakan langkah yang signifikan dalam membimbing saudara baru terhadap kefahaman berkenaan agama Islam. Menurut Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan, (2015), pendidikan Islam merupakan medium utama bagi saudara baru dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan agama Islam

Dalam memastikan saudara baru dapat memahami dan menghayati ajaran Islam dengan baik, modul dan silibus pengajian agama dirangka sesuai dengan keadaan dan latarbelakang saudara baru yang baru berjinak untuk mengenali agama Islam. Silibus pembelajaran agama yang digunakan dalam kelas bimbingan agama saudara baru tertumpu kepada ilmu fardu ain yang merangkumi ilmu akidah, fiqah, akhlak, al-Quran dan sirah (Syahrul Faizaz, 2020; Zikmal & Noorhafifah, 2019). Kebiasaannya kelas bimbingan agama saudara baru diadakan secara harian, mingguan dan juga bulanan. Selain itu juga, saudara baru berpeluang mendapatkan bimbingan agama secara perseorangan seperti mana yang disediakan oleh pendakwah dari PERKIM. Antara subjek yang diajarkan secara perseorangan adalah asas-asas fardhu ain, praktikal solat, praktikal wudhuk, pengajian al-Quran dan tajwid serta persoalan berkenaan isu semasa berkaitan agama (Zikmal & Noorhafifah, 2019).

Selain dari memberi khidmat bimbingan dalam memahami agama Islam, perkhidmatan kaunseling turut ditawarkan bagi membantu saudara baru yang menghadapi masalah dan ujian kehidupan. Kegagalan menguruskan emosi dalam menghadapi cabaran dan masalah menyebabkan saudara baru hilang pertimbangan dan kembali semula kepada ajaran asal mereka (murtad) (Nur Najwa Hanani et al., 2020).

Justeru, pendekatan dakwah melalui khidmat kaunseling dapat membantu saudara baru berpegang teguh dengan akidah Islam. Antara usaha Pejabat Agama Daerah Hulu Langat dalam memastikan kebajikan saudara baru terjaga adalah dengan menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan secara individu dan kelompok (Zulfadhli Zafik & Jawiah Dakir, 2013). Menurut Muhammad Asyraf, (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Kaedah Mencegah Murtad Di Kalangan Muallaf Oleh Unit Ukhuwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan* mendapati Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan menubuhkan Unit Ukhuwah yang berperanan sebagai kaunselor dan penasihat bagi membantu saudara baru yang menghadapi masalah terutamanya berkaitan pengurusan diri dan emosi.

#### **4. Dakwah Bi Al Hal**

Perkataan dakwah bil hal terdiri dari dua perkataan bahasa Arab iaitu dakwah dan al hal. Perkataan dakwah membawa maksud menyeru, mengajak atau memanggil manakala perkataan al hal bermaksud keadaan atau situasi (al-Miftah, 2010). Gabungan perkataan dakwah dan al hal ini membawa maksud memanggil, menyeru dan mengajak dengan menggunakan keadaan, atau memanggil, menyeru, mengajak dengan perbuatan nyata (Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman, 2016). Menurut Zulkefli Aini (2012), dakwah bil hal memfokuskan kepada usaha menggerakkan sasaran dakwah sehingga dakwah ini

berorientasikan kepada pengembangan dan kemajuan masyarakat dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan dan sosial. Masy'ari (1993) dalam (Akhmad Sagir, 2015), menyatakan dakwah bil hal juga dikenali sebagai dakwah bil qudwah yang bermaksud dakwah dengan memperlihatkan contoh teladan yang baik. Selain itu, dakwah bil hal juga dikenal sebagai dakwah *bi al a'mal*, *dakwah bi al fi'il*, dan dakwah *bi al-tanmiyyah al-mujtama'*. Manakala menurut Abdul Karim Zaidan menyatakan bahawa dakwah bil hal ini lebih berkesan kerana sasaran dakwah lebih tertarik dan mudah untuk dicontohi berbanding hanya melalui ucapan sahaja.

Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, pendekatan dakwah bil hal dilaksanakan menerusi penganjuran pelbagai bentuk program dan aktiviti yang sesuai dengan keadaan dan latarbelakang saudara baru. Kajian yang dilakukan oleh Razaleigh et.al (2012) mendapati bahawa antara bentuk pendekatan dakwah bil hal yang dilakukan oleh organisasi dakwah kepada saudara baru orang asli di negeri Kelantan adalah dengan memfokuskan pembangunan dari aspek pendidikan; kursus fardu ain, kursus guru agama orang asli dan kursus pra perkahwinan, aspek ekonomi; bantuan kecemasan, bantuan fakir miskin dan sumbangan hari raya,) aspek sosial; program ihya' ramadan, sambutan hari kebesaran Islam dan program keluarga angkat.

Menurut kajian oleh Zikmal & Noorhafifah (2019) mendapati selain daripada bentuk dakwah bil hal melalui pembangunan Pendidikan, bantuan kewangan dan khidmat sosial, pendakwah PERKIM Kuala Lumpur juga melaksanakan dakwah bil hal dengan pendekatan Qudwah Hasanah dan menyediakan prasarana seperti tadika dan asrama.

## 5. Dakwah Melalui Media Massa

Media massa merujuk kepada pelbagai jenis alat komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat (Kamus Dewan Edisi Ke Empat). Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi (Sohana Abd Hamid, 2016). Terdapat tiga jenis media massa iaitu media cetak seperti (surat khabar, majalah, bulletin, buku dan lain-lain), media elektronik seperti (televisyen, radio dan filem), dan media digital atau media baharu seperti (internet, telefon pintar, e-mel, ebook dan sebagainya) (Ahmad Qorib & M. Yoserizal, 2019). Media massa merupakan antara saluran dakwah yang mampu menyampaikan mesej dakwah dengan lebih berkesan. Hal ini kerana media massa menjadi antara sumber utama masyarakat dunia mendapatkan pelbagai sumber dan maklumat dengan cepat dan pantas.

Selain dari berperanan dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat, media massa juga bertindak sebagai agen transformasi dakwah yang efektif (Nur Hidayah et al., 2013). Menurut kajian Azarudin & Khadijah (2015) yang bertajuk *Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru* mendapati nilai-nilai ajaran Islam disampaikan menerusi media cetak dan media elektronik menyumbang kepada proses pengenalan dan kefahaman agama Islam kepada saudara baru pra konversi.



Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, pendekatan dakwah melalui media merupakan antara pendekatan yang digunakan oleh pendakwah dalam memastikan saudara baru tidak ketinggalan dalam mempelajari, memahami dan mendalami ajaran Islam. Kajian yang dilakukan oleh Zikmal & Noorhafifah (2019) mendapati antara bentuk medium dakwah media massa yang digunakan oleh PERKIM Kuala Lumpur kepada saudara baru adalah menerusi media cetak seperti (majalah dan pamflet) dan media baharu seperti (laman web, Youtube, Instagram, Twitter dan Facebook).

## **6. Dakwah Melalui Kesenian**

Seni merupakan elemen yang penting dalam kehidupan kerana mempunyai kaitan dengan naluri dan perasaan manusia. Menjadi fitrah semula jadi bagi setiap manusia itu suka kepada sesuatu yang indah dan mempesonakan. Justeru, seni adalah sesuatu yang mampu menimbulkan rasa kesenangan yang bersifat estetika terhadap diri seseorang. Selain itu memanfaatkan dakwah melalui kesenian adalah sangat signifikan kerana kesenian mempunyai nilai-nilai keindahan dan mampu memberi daya tarikan kepada manusia (Al-Qardawi, 2002; Ahmad Sahlan & Mohd Nizam, 2020). Dakwah melalui kesenian merupakan antara pendekatan dakwah yang telah diaplikasikan oleh para pendakwah Wali Songo. Antara kesenian yang digunakan dalam menyampaikan mesej Islam adalah melalui seni wayang kulit, seni suara dan seni ukir (Ab Aziz Mohd Zain, 2001).

Dalam konteks dakwah kepada saudara baru, elemen kesenian menyumbang kepada keberhasilan dalam menyampaikan mesej dakwah. PERKIM di bawah Program Integrasi Sosial Usaha Dakwah Bil Hal di Perkampungan Orang Asli melaksanakan pelbagai aktiviti berbentuk kesenian seperti Bengkel Bimbingan Busana Muslim, Pertandingan Penghayatan Islam merangkumi kuiz, pertandingan azan, membaca puisi dan juga karaoke nasyid (Firdaus Lokman et.al, 2010).

Sementara itu, MACMA dengan mengenengahkan kesenian pembinaan masjid bercirikan seni bina Cina bertujuan untuk memecahkan tembok stereotaip yang wujud dalam pemikiran orang bukan dan dapat melembutkan hati saudara baru bahawa Islam mengiktiraf seni bina bangsa -bangsa lain selagi mana tidak bercanggah dengan syarak (Roslieza & Nur Athiroh, 2015).

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian ini mendapati terdapat enam pendekatan dakwah kepada saudara baru yang boleh dipraktikkan di Malaysia. Antaranya dakwah melalui lisan, dakwah melalui tulisan, dakwah melalui kelas bimbingan agama dan kaunseling, dakwah bil hal, dakwah media massa dan kesenian. Pendekatan ini sangat praktikal untuk dilaksanakan oleh pendakwah sama ada secara perseorangan atau organisasi.

## RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin et.al. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin et.al. 2020. *Psikologi Dalam Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. Dakwah Kepada Orang Asli Melalui Seni Hiburan Alternatif DI Malaysia: Model Latihan Amali Dakwah (LAD). *Al Hikmah*, 1(1), 3–12.
- Abdul Karim Zaidan. 2018. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. H.M Asywadi (Terj). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Aemy Elyani, Nur Aisyah, Safinah & Siti Zahidah. 2020. Penggunaan Bahasa Mandarin Sebagai Medium Dakwah Dalam Ngo Di Malaysia. *AL-BANJARI*, 19(1), 1–15. <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v>
- Agusti Alfi Nurul Insani (2019). Dakwah Politik Nabi Muhammad Kepada Raja Heraklius, Kisra Abrawaiz, Muqauqis, dan Najasyi. *Islamic Communication Journal*, 4(1), 1–20. [www.journal.uta45jakarta.ac.id](http://www.journal.uta45jakarta.ac.id)
- Ahmad Qorib & M. Yoserizal Saragih .2019. Capability of Print Media and Electronic Media in Analyzing News. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences*, 2(1), 238–247. <https://doi.org/10.33258/birci.v2i1.174>
- Ahmad Sahlan & Mohd Nizam. 2020. Pendekatan Dakwah Kontemporari Melalui Kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3).134-148
- Akhmad Sagir. 2015. Dakwah bil hal: Prospek dan tantangan da'i. *Alhadharah Jurnal Ilmu Dakwah*, 14(27), 15–27.
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains dan Kemasyarakatan
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemanusiaan dan Masyarakat
- Azarudin Bin Awang & Khadijah Mohd Khambali. 2015. Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru (Media Influence in The Dialogue of Life: From The Perspectives of a Revert Muslim). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 47–60. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-0>
- Firdaus Lokman Tah, Zulkefli Arifin & Mohd Syahril Rosdi.2010. Program Integrasi Sosial Usaha Dakwah Bil Hal di Perkampungan Orang Asli. *Suara PERKIM*, 27-30
- Kamarul Zaman Kawi, & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [ Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28–43.
- Mohamad Zulkifli A. Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha, Anuar Puteh & Abdul Ghafar Don .2017. Penerapan Fiqh Awlawiyyat Dalam Dakwah Kepada

- Saudara Baru. *Al-Hikmah*, 9(2).  
<http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/260>
- Muhammad Asyraf Mohd Azlin. 2018. Kaedah Mencegah Murtad Di Kalangan Mualaf Oleh Unit Ukhuwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 62–77.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd Majid & Badlihisam. 2018. Pendekatan Dakwah Dalam Kaedah Pengajaran Kepada Mualaf. *Jurnal Kajian Dakwah Dan Kemasyarakatan*, April 2018.
- Nur Damia Husna & Zulkefli Aini (2017). Bahasa da'i dalam komunikasi dakwah kepada masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah*, 9(1), 110–127.
- Nur Hidayah Mohd Abd Malik, Norhidayatul Akmal Mohamad, Mohd Amir Mursyid Abdul Rahman & Md Rozalafri Johori. 2013. *Media Massa: Strategi Dakwah Dalam Menghadapi Peperangan Maklumat*. Oktober
- Nur Najwa Hanani, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, & Aimi Wafa Ahmad. 2020. Hubungan Emosi Dan Akhlak Dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(03–2), 55–66.
- Noor Hafizah, Haridi Kamal, Kamal Azmi Abd Rahman & Rosni Rahman. 2016. Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam*, April
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abd. Ghafar Don & Abu Dardaa Muhammad. (2012). Dakwah kepada golongan Muallaf Orang Asli di Kelantan. *Jurnal Al-Hikmah*, 4, 87–105
- Razaleigh Muhamat@Kawangit& Salawati Saringat. 2014. Dakwah Among Indian Mualaf in Malaysia. *Islamiyyat*, 36(2), 91–96.  
<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2014-3602-09>
- Rofik Hidayat, R. (2019). Manajemen Dakwah Bil Lisan Perspektif Hadits. *Jurnal Al-Tatwir*, 6(1), 33–50. <https://doi.org/10.35719/altatwir.v6i1.3>
- Roslieza Rosli & Nur A'thiroh Masyaa'il. 2015. Aplikasi Metodologi Dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). *Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*, 7, 19.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Journal of Usuluddin*, 46(2), 97–122.  
<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.4>
- Sohana Abd Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat (Mass Media Effect on Changes in Social Community). *E-Bangi*, 13(4), 214–226.
- Suariza @Hidayah, Nor Raudah & Yusmini. 2018. Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Mualaf di Selangor. *Journal of Usuluddin*, 46(2), 123–146. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.5>
- Syabuddin Gade. 2017. *Pemikiran Pendidikan Dan Dakwah: Kontribusi A. Hasjmy Menghadapi Multi Krisis Di Aceh*. Abdul Ghafar Don (Editor). Aceh: ArraniryPress

- Syahrul Faizaz Abdullah, Ssuna Salim, Mohd Akram, Solahuddin & Mohd Nizho Rahman 2018. Pelaksanaan Kelas Pengajian Asas Fardhu Ain Kepada Muallaf Di Kedah Dan Cabarannya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 25–37.
- Syahrul Faizaz, Afifah Abu Yazid, Syahrina & Armanurah (2020). The Method of Teaching Prayers for the Guidance of Muallaf (Newly Riveted Muslims) At Center for Islamic Guidance Abdul Halim of Kedah (Pusba). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 2(3), 32–40. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.23003>
- Syeikh Akram Kassab. 2010. *Metode Dakwah Yusuf Al-Qaradhawi*. (Muhyidin Mas Ridha, Terj.) Jakarta: Pustaka Al Kauthar
- Wan Zuhairah & Nur Athiroh. 2018. Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan (Preaching About Islam to the Reverts in Kelantan). *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 106–110.
- Zikmal Fuad & Noorhafifah. 2019. Metodologi Dakwah Pendakwah Terhadap Saudara Baru. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Melayu Nusantara*, 193–200.  
[http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/eprosiding\\_pantumn2019\\_003.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/eprosiding_pantumn2019_003.pdf)
- Zulfadhli Zafik; Jawiah Dakir. 2013. Bimbingan dan Kaunseling Islam terhadap Muallaf di Pejabat Agama Islam Hulu Langat Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013 (ICMuD 2013)*, 129–136
- Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno. 2012. *Asas Komunikasi Dakwah*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Zulkiple Abd Ghani. 2010. *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.